

MAHATHIR - PERNIAGAAN R'R'R'
1982

KUALA LUMPUR, 4 OKT. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENJELASKAN KERAJAAN AKAN MEMBAYAR GAJI KEPADA KAKITANGAN KERAJAAN YANG MENYERTAI CADANGAN SKIM MENGGALAKKAN KAKITANGAN RENDAH MENCEBURI PERNIAGAAN HANYA SEMASA, MEREKA DALAM LATIHAN SAHAJA.

PERDANA MENTERI BERKATA SETELAH MENJALANI LATIHAN DAN KAKITANGAN BERKENAAN MEMUTUSKAN UNTUK MENCEBURI ALAM PERNIAGAAN MEREKA DIKEHENDAKKI MELETAKKAN JAWATAN.

+GAJI AKAN TERUS DIBAYAR SEMASA KAKITANGAN KERAJAAN MENJALANI LATIHAN ITU MEMANDANGKAN DALAM TEMPOH LATIHAN MEREKA TIDAK BERHUBUNG DENGAN ORANGRAMAI,+ TAMBAH BELIAU KEPADA PARA PEMBERITA SETIBANYA DARI LONDON SETELAH MENGHADIRI PERSIDANGAN BANGSA-BANGSA BERSATU DI NEW YORK.

TEGASNYA PENJELASAN ITU PERLU DIBUAT MEMANDANGKAN TIMBUL SALAH FAHAM DI KALANGAN PIHAK TERTENTU BAHAWA SKIM YANG AKAN DILANCARKAN ITU MENJEJASKAN PERKHIDMATAN KERAJAAN MEMANDANGKAN KAKITANGAN BOLEH BERNIAGA DI WAKTU KERJA ATAUPUN KETIKA MASIH BERKHIDMAT DALAM KERAJAAN.

AWAL HARI INI TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK MUSA HITAM MENEGASKAN BAHAWA KAKITANGAN KERAJAAN YANG INGIN BERNIAGA HENDAKLAH MELETAKKAN JAWATAN. -- LAGI 2120/MK

B678

MAHATHIR - PERNIAGAAN 2 KUALA LUMPUR R'R'R'

MENGHURAI LEBIH LANJUT MENGENAI PERKARA ITU, PERDANA MENTERI BERKATA UMUM MENGETAHUI BAHAWA KAKITANGAN KERAJAAN HANYA DIBENARKAN MELABUR SAHAM SEHINGGA \$10,000 DALAM SYARIKAT-SYARIKAT TERKEMUKA YANG MEREKA TIDAK MEMPUNYAI PENGARUH.

+MEMANDANGKAN DEMIKIAN, TIDAK SEPATUTNYA TERDAPAT DAKWAAN KONONNYA KERAJAAN MENGGALAKKAN KAKITANGANNYA MENJALANI PERNIAGAAN SEMASA DALAM PERKHIDMATAN,+ TAMBAH BELIAU.

BELIAU BERKATA TEMPOH SKIM LATIHAN YANG AKAN DIBERIKAN DAN LAIN-LAIN ASPEK SKIM TERSEBUT MASIH BELUM DIPUTUSKAN.

MENGENAI PENGUMUMANNYA BARU-BARU INI BAHAWA KERAJAAN AKAN MENGGALAKKAN PERKEMBANGAN PERNIAGAAN RUNCIT BERDASARKAN SISTEM FRANCHISE, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA RAMAI PARA PENIAGA, TERUTAMA JEPUN, MENUNJUKKAN MINAT UNTUK MENYERTAINYA.

+BENTUK ATAU JENIS PERNIAGAAN YANG AKAN DICEBURI OLEH MEREKA BERGANTUNG KEPADA SYARAT YANG AKAN DIKENAKAN OLEH KERAJAAN,+ TAMBAH BELIAU. -- LAGI 2122/MK

B679

MAHATHIR - PERNIAGAAN 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERITAHU SEBUAH SYARIKAT KOMPUTER TELAH PUN MEMBAYANGKAN KEMUNGKINAN MEMBUAT KOMPUTER DI NEGARA INI UNTUK DIEKSPOT KE LUAR.

SEMASA DI NEW YORK, PERDANA MENTERI JUGA MENEMUI PARA PELABUR AMERIKA DAN MEREKA MENYATAKAN KESEDIAANNYA MELABUR DI NEGARA INI.

MENURUTNYA SALAH SATU SEBAB IALAH KERANA MALAYSIA MEMPUNYAI +CREDIT RATING+ YANG TINGGI DAN BELIAU BERBANGGA KERANA MALAYSIA MERUPAKAN SALAH SEBUAH DARIPADA 20 BUAH NEGARA YANG MEMPUNYAI CREDIT RATING YANG TINGGI.

+DALAM WILAYAH INI, KITA MERUPAKAN DI ANTARA DUA BUAH NEGARA DALAM KEDUDUKAN INI DAN SAYA BANGGA KERANA KITA DI SANJUNG TINGGI OLEH DUNIA KEWANGAN LUAR MEMANDANGKAN ADA NEGARA BESAR YANG MENGALAMI KERUNTUHAN EKONOMI SEHINGGA TIDAK MAMPU MEMBAYAR BALIK HUTANG.+ TAMBAH BELIAU. -- BERNAMA 2127/MK